



# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Tuan : KKM.600-29/4/120 Jld.3 (82)  
Tarikh : 18 September 2025

Y.Bhg Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL.4./2025 : KEMASKINI CARTA ALIR UJIAN SARINGAN DAN PENGESAHAN HIV

### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pengemaskinian carta alir ujian saringan dan pengesahan HIV sebagai panduan pelaksanaan oleh anggota kesihatan di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta termasuk klinik kesihatan, hospital, institusi perubatan dan pusat saringan HIV.

### 2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan kemajuan teknologi makmal serta perubahan dalam kaedah pengujian HIV, carta alir pelaksanaan ujian saringan dan pengesahan HIV tersebut telah dikemaskini mengikut saranan terkini yang dikeluarkan oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit, Amerika Syarikat (*U.S. Centers for Disease Control and Prevention, CDC*) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ujian Serodia HIV 1/2 yang menggunakan kaedah *particle agglutination* bagi pengesan antibodi HIV-1 dan HIV-2, tidak lagi digunakan secara meluas. Sebaliknya ujian *HIV-1/2 Antibody Differentiation Assay* akan menjadi kaedah pengesahan utama, selaras dengan garis panduan semasa dan amalan terbaik antarabangsa. Pekeliling ini memperincikan beberapa perubahan serta penambahbaikan utama seperti berikut:

- (i) Perubahan teknik ujian pengesahan daripada kaedah *Particle Agglutination* kepada *HIV-1/2 Antibody Differentiation Assay* bagi individu dewasa dan kanak-kanak berumur lebih 18 bulan (*Algorithm 1*)

- (ii) Pindaan pada *Algorithm 2* dengan penekanan ke atas keperluan dua ujian HIV-1 RNA yang negatif pada bayi. Ujian lanjutan *HIV Ag/Ab Immunoassay* boleh dilaksanakan apabila bayi berusia 18 bulan atau tiga bulan selepas berhenti penyusuan (yang mana lebih lewat).
- (iii) Pengemaskinian penggunaan *Rapid Diagnostic Test (RDT)* HIV dalam *Algorithm 3*, dengan penekanan terhadap aspek pengurusan kes. Ini selari dengan perkembangan penggunaan RDT di fasiliti kesihatan serta pelaksanaan ujian saringan HIV kendiri (*self-testing*) yang boleh diakses menerusi laman sesawang <https://testnow.com.my>
- (iv) Pengenalan *Algorithm 4* iaitu carta alir baharu yang merangkumi pengendalian ujian HIV dalam kalangan penderma darah dan pelaksanaan ujian di pusat darah.

### 3. KAEADAH PELAKSANAAN

- 3.1 Carta alir pelaksanaan ujian HIV telah dikemaskini serta diperincikan dalam dokumen “***Update on HIV Screening and Confirmatory Testing Algorithm***” (rujuk lampiran) yang merangkumi;
  - (i) Carta alir diagnosis HIV bagi kumpulan dewasa dan kanak-kanak (pediatrik) berumur lebih 18 bulan (Annex 1 – Dikemaskini)
  - (ii) Carta alir diagnosis HIV bagi kumpulan pediatrik berumur kurang daripada 18 bulan (Annex 3 – Dikemaskini)
  - (iii) Carta alir pelaksanaan ujian saringan HIV menggunakan kaedah *Rapid Diagnostic Test (RDT)* oleh petugas kesihatan (Annex 5 – Dikemaskini)
  - (iv) Carta alir ujian makmal HIV bagi penderma darah dan pelaksanaan di pusat darah (Annex 6 – Baharu)
- 3.2 Bagi mana-mana individu yang didapati reaktif terhadap ujian saringan HIV, ujian pengesahan wajib dilaksanakan secepat mungkin dan tidak melebihi tempoh satu (1) minggu dari tarikh ujian saringan dijalankan.

- 3.3 Sekiranya individu yang didapati reaktif gagal hadir bagi ujian pengesahan, pihak bertanggungjawab hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan untuk tindakan pengesahan dan pelaksanaan ujian pengesahan selanjutnya.
- 3.4 Prestasi ujian HIV menggunakan kaedah RDT hendaklah memenuhi spesifikasi teknikal yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam seksyen 5.

#### **4. TANGGUNGJAWAB**

- 4.1 Semua Pengarah Kesihatan Negeri hendaklah memastikan surat pekeliling ini diedar dan dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan di bawah seliaan masing-masing.
- 4.2 Ketua Jabatan Patologi Negeri bertanggungjawab memastikan pematuhan terhadap garis panduan ini bagi semua ujian berkaitan HIV.

#### **5. TARikh BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan, dan dengan ini membatalkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2020.

#### **6. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya  
Tel: 03-88834419 / 03-88834387  
(u.p Sektor HIV/STI/Hepatitis C)

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3-7, Blok E1, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya  
Tel: 03-88831047  
(u.p Unit Sokongan Klinikal, Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan)

## 7. PENUTUP

Pengemaskinian carta alir ujian saringan dan pengesahan HIV ini dijangka akan menjadikan pelaksanaan ujian saringan dan pengesahan HIV lebih tepat dan cekap serta berdasarkan bukti saintifik terkini. Langkah ini juga akan memperkuat sistem penyampaian penjagaan kesihatan yang komprehensif, meliputi pencegahan, kawalan, rawatan, pemantauan, sokongan sosial dan rujukan klinikal secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



18/9/2021

**(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)**

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

### **EDARAN DALAMAN**

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah,  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,  
Hospital Tuanku Azizah, Kuala Lumpur

Pengarah,  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah,  
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah,  
Pusat Darah Negara

Ketua Perkhidmatan Patologi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Kepakaran Penyakit Berjangkit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Kepakaran Perubatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **EDARAN LUARAN**

Pengarah,  
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah,  
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pengarah,  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia  
Kementerian Pertahanan Malaysia

Presiden,  
Persatuan Perubatan Malaysia

Presiden,  
Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia

Presiden,  
Persatuan Hospital Swasta Malaysia

Presiden,  
Pertubuhan Doktor-Doktor Primary Care Malaysia

Ketua Eksekutif,  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia

Presiden,  
Persatuan Farmasi Malaysia

Pengarah Eksekutif,  
Yayasan AIDS Malaysia & Majlis AIDS Malaysia

Pengarah Eksekutif  
Lablink Medical Laboratory